

Pemangkin Fikiran Rakyat

www.utusan.com.my

UTUSAN MALAYSIA



SULTAN MIZAN RAIH EMAS

SULTAN Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin ketika beraksi dalam acara individu ekuestrian endurance pada temasya Sukan SEA Ke-29 di Terengganu International Endurance Park, Setiu, semalam. Baginda mencatat masa 3 jam 48 minit 38 saat sekali gus menyumbang pingat emas buat negara dalam acara tersebut. - UTUSAN/FARID JANUDIN



TERUS CEMERLANG



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berswafoto bersama Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin serta pasukan ragbi selepas pasukan itu mencipta sejarah memenangi pingat emas pertama Sukan SEA di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Kelana Jaya, semalam. - UTUSAN/HAFIZ JOHARI

Atlet negara terus cemerlang apabila meraih sembilan pingat emas dalam Sukan SEA Ke-29 semalam.

Paling mencuri tumpuan, Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin yang merangkul pingat emas dalam acara individu ekuestrian endurance.

Ragbi, meraih emas kali pertama dalam sejarah sementara bola jaring pula menamatkan kemarau emas 16 tahun.


Selepas dua hari temasya bermula secara rasmi 16 emas sudah diraih.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada atlet dan berharap mereka terus cemerlang.

LAPORAN PENUH DI MUKA 32-40

SENYUM KAMBING

Malaysia peroleh 9 pingat emas termasuk Sultan Terengganu dalam Sukan SEA semalam.



Membanggakan. Tahniah buat Tuanku dan semua.

Kerajaan sedia tubuh RCI Memali »3





1
TIGA atlet Wusyu, Loh Jack Chang (kiri), Diana Bong Siong Lin dan Yeap Wal Kin (kanan) menunjukkan pingat emas yang diperoleh menerusi acara taijijian lelaki, nanquan wanita dan jianshu lelaki di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD NAJIB MOHD NOR



2 & 4
PARA pemain bola jaring kebangsaan merakan kejayaan menundukkan Singapura untuk membawa pulang pingat emas dalam perlawanan akhir di Stadium Juara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD FARIZWAN HASBULLAH

KUALA LUMPUR
2017

5
PASUKAN berkuda Malaysia (dari kiri) Mohd. Yusran Yusuf, Mohd. Adhwa Embong, Azizatul Asma Abdullah dan Muhammad Faud Hashim menang pingat emas acara berpasukan equestrian endurance di Terengganu International Endurance Park (TIEP), Setiu, Terengganu, semalam. - UTUSAN/FARID JANUDIN

6
AKSI pasangan negara, Zylane Lee (kanan) dan Gan Hua Wei dalam acara renang berirama rutin bebas duet di Pusat Akuatik Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN

